



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

LAGU MELAYU ASLI: TEKNIK VOKAL, STAIL NYANYIAN DAN LATIHAN

FAUZILA BINTI ABDUL LATIF



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGIMEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (MUZIK)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2013



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: LAGU MELAYU ASLI: TEKNIK VOKAL, STAIL NYANYIAN
DAN LATIHAN

No. Matrik / Matric's No.: M20082000278

Saya / I : FAUZILA BINTI ABDUL LATIF
 (Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The Library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasm 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. /
Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 2 JULAI 2013

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
 & (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Dilampirkan bersama di dalam Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (jilid keras), selepas lampiran Pengakuan





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

UPSI/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1**Sila tanda (↓)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH****PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 18 (hari bulan) Disember (bulan) 2012

i. Perakuan pelajar :

Saya, FAUZILA BINTI ABDUL LATIF, M20082000278, FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMPERBAHAN (NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk:

LAGU MELAYU ASLI: TEKNIK VOKAL, STAIL NYANYIAN DAN LATIHAN

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PM HJ. AHMAD FUAAD B. AHMAD DAHALAN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk :

LAGU MELAYU ASLI: TEKNIL VOKAL, STAIL NYANYIAN DAN LATIHAN

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN MUZIK (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

2 JULAI 2013

Tarikh



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Tandatangan Penyelia



PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T yang telah memberi anugerah yang tidak terhingga beserta izin dan limpah kurnianya disertasi ini akhirnya telah berjaya disempurnakan. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih ditujukan kepada penyelia utama saya iaitu Profesor Madya Ahmad Fuaad bin Ahmad Dahalan yang telah banyak memberi sumbangan ilmu, kepakaran dan nasihat sehingga terhasilnya disertasi ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada Profesor Madya Zaharul Lailidin bin Saidon yang turut banyak membantu dengan mencerahkan pandangan dari pelbagai sudut untuk memastikan sempurnanya hasil tesis ini. Penghargaan turut ditujukan buat semua pensyarah Universiti Sultan Idris yang secara langsung atau tidak langsung telah memberi bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar sepanjang menyempurnakan projek ini.

Diperpanjang penghargaan ini kepada suami dan anak-anak yang tercinta kerana mereka yang telah menjadi sumber inspirasi dan semangat bagi saya meneruskan kajian ini sehingga tamat. Tidak lupa terima kasih diucapkan kepada ibu tercinta iaitu Pn. Maimunah binti Mohd Sood dan bapa yang sentiasa dirindui iaitu Allahyarham Abdul Latif bin Mat Sam di atas kasih sayang, dorongan serta doa mereka selama ini. Ucapan setinggi-tinggi terima kasih ini juga ditujukan buat ibu mertua tercinta iaitu Pn Nyonya Binti Ali dan bapa mertua Yahya Long Chik di atas kebaikan dan sokongan mereka. Terima kasih juga ditujukan buat semua adik-beradik yang amat dikasihi, semoga kita semua dikurniakan kejayaan dalam bidang yang diceburi masing-masing.

Sekalung penghargaan juga turut diucapkan kepada semua subjek kajian saya di atas kerjasama mereka iaitu Allahyarham Rahim Jantan yang telah kembali ke Rahmatullah pada tanggal 1hb. Jun 2010. Sememangnya kehilangan beliau memberi kesan mendalam terhadap emosi saya dan tentunya pemergian beliau ibarat kehilangan satu permata besar yang menggembangi industri seni lagu-lagu tradisional Melayu Tanah Air. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas Allahyarham di atas pengkongsian ilmu beliau kepada kita semua. Tidak ketinggalan jutaan terima kasih buat Andre Goh, Aspalella Abdullah, Mohd Helmy Ahmad Tajudin, Sabihah Abdul Wahid dan Nurihan Saif yang telah banyak memberi sumber-sumber yang amat diperlukan bagi melengkapkan kajian ini. Tanpa batuan kalian tentunya saya tidak mampu merialisasikan kajian ini sehingga jayanya.

Akhir sekali saya ingin merakam penghargaan kepada rakan-rakan pensyarah Institut Pendidikan Guru kampus Ilmu Khas terutamanya Dr. Munirah Binti Mohsin dalam memberi tunjuk ajar dan perkongsian idea dalam penambahbaikan kajian ini. Jasa serta budi baik semua pensyarah, kaum keluarga, subjek kajian serta rakan-rakan tidak akan saya lupakan. Semoga kita sama-sama mendapat limpah rahmat-Nya dan dikurniakan kecemerlangan dalam hidup, Insyaallah.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

v

ABSTRAK

Penulisan tesis ini adalah berkaitan penggunaan teknik vokal dalam nyanyian lagu Melayu Asli. Subjek kajian dipilih secara bertujuan terdiri daripada para pensyarah, pelajar serta penggiat seni muzik tradisional Melayu. Reka bentuk kajian kualitatif yang melibatkan instrumen temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen digunakan dalam pengumpulan data. Proses mencari data telah dijalankan selama lima bulan bermula pada bulan April sehingga Ogos 2010. Dapatkan data telah dianalisis dengan menggunakan pendekatan Phenomenologi. Objektif kajian ini adalah bagi meneroka penggunaan teknik vokal dalam nyanyian lagu Melayu Asli yang melibatkan pernafasan, fonasi, resonansi dan artikulasi. Selain itu, kajian menghuraikan ciri-ciri bagi stail nyanyian serta meneroka bentuk-bentuk latihan vokal yang boleh digunakan dalam nyanyian lagu tradisional Melayu Asli. Dapatkan kajian telah menunjukkan teknik vokal yang diamalkan dalam nyanyian lagu Melayu Asli turut merupakan adaptasi terhadap penggunaan teknik vokal yang sedia ada tetapi menjurus kepada stail lagu Melayu Asli yang dinyanyikan. Stail nyanyian lagu Melayu Asli telah menuntut gaya latihan vokal yang berbeza mengikut genre lagu tersebut. Walaupun fokus kajian adalah terhadap teknik vokal dalam stail lagu Melayu Asli, namun hasil kajian tetap dapat dipraktiskan terhadap lagu tradisional Melayu berlainan rentak seperti inang, zapin, joget, masri dan yang berkaitan dengannya. Melalui kajian ini, bahan dan informasi berkaitan teknik vokal dapat diperkaya sebagai rujukan pelajar, tenaga pengajar, penyanyi mahupun generasi akan datang yang berminat untuk mendalami dan memahami aplikasi teknik vokal dalam genre lagu tradisional Melayu.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



MALAY ASLI SONG: VOKAL TECHNIQUE, SINGING STYLE AND EXERCISES

ABSTRACT

This thesis highlights the usage of vocal techniques in the singing of Malay Asli songs. The subjects of this study were selected from a group of lecturers, students and Malay Asli music practitioners. Interviews, observation and document analysis were used as a way of collecting data in this qualitative research design. The process of finding data was carried out formally over a period of five months beginning in April till August 2010. The findings of this study was analyzed using the Phenomenology approach. The objective of this study is to explore the use of vocal techniques in singing Malay Asli songs that involve breathing, phonetics, resonance and articulation. In addition, the study describes the characteristics of singing style and provides a form of vocal training that can be applied in singing Malay Asli songs. The study shows that vocal techniques practised in singing Malay Asli songs is an adaptation of the existing method with emphasis to styles applied in Malay Asli songs. Original style of singing Malay Asli songs demand a different type of vocal training to suit the genre of the song. Even though the focus of this study is on vocal technique applied to Malay Asli songs, hence the findings reveal that it can also be applied on various Malay traditional songs with rhythms such as inang, zapin, joget, masri and others. This study also gives further insights and useful information to students, teachers, singers, as well as the future generation who wish to explore and understand the application of vocal techniques in Malay traditional songs.





KANDUNGAN

Muka surat

PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI TEKS	xiii
SENARAI TRANSKRIPSI NOTASI	xiv
SENARAI GAMBAR/FOTO	xv
DAFTAR ISTILAH	xvi

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pengenalan Terhadap Teknik Vokal	6
1.3 Penyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	13
1.5 Persoalan Kajian	14
1.6 Kepentingan Kajian	14
1.7 Fokus Kajian	15
1.8 Batasan Kajian	16
1.9 Kesimpulan	17

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Sejarah Perkembangan Seni Vokal	19
2.2 Anatomi Tubuh Bahagian Suara	22
2.2.1 Trachea	
2.2.2 Larynx	
2.2.3 Pharynx	
2.2.4 Epiglottis	
2.2.5 Langit-langit	
2.2.6 Lidah	





2.3	Proses Nyanyian	29
2.3.1	Pernafasan	
2.3.2	Fonasi	
2.3.3	Resonansi	
2.3.4	Artikulasi	
2.4	Register Suara	36
2.5	Sejarah Perkembangan Lagu Melayu Asli	37
2.6	Struktur Lagu Melayu Asli	41
2.7	Rentak Lagu	45
2.7.1	Asli	
2.7.2	Inang	
2.7.3	Joget	
2.7.4	Zapin	
2.7.5	Dondang Sayang	



3.1	Pengenalan	51
3.2	Reka Bentuk Kajian	52
3.3	Subjek Kajian	53
3.4	Prosedur Mengumpul Data	54
3.5	Instrumentasi	57
3.6	Prosedur Mengurus Data	58
3.7	Analisis Data	59
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan	62

BAB 4**DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

4.1	Pengenalan	64
4.2	Teknik Vokal	67
4.2.1	Pernafasan	
4.2.2	Fonasi	
4.2.3	Resonansi	
4.2.4	Artikulasi	





4.3	Stail Lagu Melayu Asli	82
4.3.1	Bentuk lagu	
4.3.2	Penyampaian Patahan Lagu	
4.3.3	Register Suara	
4.3.4	Aspek Ekspresi	
4.4	Latihan-Latihan Vokal	99
4.4.1	Proses Latihan	
4.4.2	Amalan dan Petua Penjagaan Suara	
4.5	Perbincangan	116

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	120
5.2	Kesimpulan	121
5.3	Cadangan	124
5.4	Cadangan Kajian Masa Depan	127
5.5	Penutup	128



BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

Lampiran A – Profil Subjek

Lampiran B – Soalan Temu Bual dan Senarai Pemerhatian

Lampiran C – Borang Pengesahan Subjek

Lampiran D - Skor Lagu Melayu Asli

Lampiran E – Cakera Padat

1. Temubual

i	Rahim Jantan	19 Mei 2010
ii	Aspalella Abdullah	26 Mei 2010
iii	Andre Goh	7 Jun 2010
vi	Nurihan Saif	21 Ogos 2010
v	Mohd Helmy Ahmad Tajudin	21 Ogos 2010
iv	Sabihah Abdul Wahid	21 Ogos 2010





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

X

Video

- | | | |
|-----|---------------------|-------------------------|
| i | Sabihah Abdul Wahid | Damak |
| ii | Helmy Ahmad Tajudin | Siti Payung |
| iii | Andre Goh | Selamat Tinggal Bungaku |
| vii | Rahim Jantan | Hati ke Hati |

2. Konsert Irama Melayu Asli

- | | | |
|-----|--------------------|---------------------------------|
| i | Andre Goh | Cantik Manis (17:00 – 20:20) |
| ii | Nurihan Saif | Tanjung Puteri(29:30 – 34:05) |
| iii | Aspalella Abdullah | Ibu Tercinta (58:10 – 01:02:15) |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xi

SENARAI RAJAH

Rajah

Muka Surat

2.2	Vokal Kod	25
2.3	Trachea, Larynx, Pharynx dan Epiglottis	26
2.4	Ligamen-ligamen yang berkait dengan nyanyian	27
2.5	Bahagian Kaviti Oral	28
2.6	Proses Respirasi	31
2.7	Bahagian Resonansi	34
4.2	Kedudukan lantonan suara mengikut pic	73
4.5	Aspek kemahiran dalam patahan lagu Melayu Asli	90



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xii

SENARAI JADUAL

Jadual

Muka Surat

4.1	Respon subjek berkaitan isu pernafasan	72
4.4	Contoh lagu dalam bentuk yang berbeza	83
4.15	Senarai Semak Pemerhatian	115



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiii

SENARAI TEKS

Teks

4.8 Contoh Puisi Berangkai

Muka Surat

102



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI TRANSKRIPSI NOTASI

Notasi

Muka Surat

4.7	Pecahan register mengikut pic	95
4.9	Syair Asas	104
4.10	Syair Transkripsi	104
4.11	Gurindam Asas	105
4.12	Gurindam Transkripsi	106
4.13	Zam-Zam Asas	107
4.14	Zam-Zam Transkripsi	108





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

XV

SENARAI FOTO

2.1	Laryngoscope	21
4.3	Demonstrasi Sebutan Vowel	80



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



DAFTAR ISTILAH

Anakrusis	<i>pick up note</i>
Aristokrat	<i>aristocrat</i> – kelas yang terdiri daripada masyarakat tinggi
Biara	<i>monastery</i>
Empirikal	secara rawak
Glide/ slide	<i>portamento</i>
Heterofoni	struktur tiga lapisan yang terdiri daripada melodi dan iringan
<i>Horizontal</i>	melintang
<i>Ideographic mode</i>	idea, perkataan atau konsep yang terdapat dalam transkrip tindakan mengumpul data yang berkait rapat dengan
idiom	lenggok patahan lagu dalam nyanyian atau alat muzik
Integratif	pergabungan dua atau beberapa unsur atau bahagian menjadi satu kesatuan
Komoditifikasi	pemeliharaan, pemuliharaan, mengembangkan
<i>Laryngoscope</i>	prosidiur perubatan yang digunakan untuk melihat alat vocal
Melankolik	berasa atau memperlihatkan perasaan sedih atau dukacita
Melismetik	gaya melodi nyanyian yang sarat dengan grenek dan tidak berpegang pada kod harmoni
<i>Nomothetic mode</i>	melibatkan carian terhadap prinsip asas yang abstrak.
Ornament	ton hiasan/ bunga
Otodidak	<i>self-taught</i>
Paradigma	peralihan satu lingkungan atau batasan kpd sesuatu yg baru
Patah lagu	renek-renek atau bunga-bunga lagu
Sinkretiksme	sinkretik/ fenomena yg terjadi dalam tempoh waktu tertentu
Tapre	ibu lagu
Tekstur linear	barisan melodi dan rentak yang agak tersendiri dan tidak menegak
<i>Vertical</i>	





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Latar Belakang Kajian

Muzik dan lagu merupakan sebahagian daripada perlakuan anggota sosial masyarakat. Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan telah mengadakan komoditifikasi terhadap khazanah warisan bangsa yang mencakupi pengkajian budaya, pemeliharaan, pemuliharaan dan pengembangannya. Komoditifikasi juga membawa maksud bahawa sesuatu budaya yang dipelajari itu mempunyai nilai dan harga yang harus ditanam dalam jiwa seluruh masyarakat. Dalam perkataan lain bahawa kebudayaan kita seharusnya dipelajari oleh kita semua dan menjadi amalan kita.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Dalam usaha untuk memanfaatkan aspek-aspek lagu dan persesembahan tradisional Melayu, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah mengekalkan persesembahan lagu-lagu asli dengan mengadakan pertandingan lagu-lagu asli semenjak tahun 1990 lagi. Setiap tahun pertandingan lagu-lagu asli ini diadakan di peringkat negeri dan kebangsaan. Hasilnya kita dapat mencungkil bakat-bakat baru dalam kalangan kanak-kanak sekolah dan remaja (Tengku Alaudin, 2006).

Sehubungan dengan tujuan itu, penggunaan teknik vokal dalam nyanyian tradisional Melayu merupakan satu pendekatan yang perlu dilihat untuk dikaitkan dengan pembelajaran vokal masa kini. Untuk memulakan langkah ini, kajian terhadap lagu tradisional Melayu diberi fokus pada lagu Melayu Asli agar maklumat, bahan-bahan atau wacana yang hendak dikaji lebih terarah. Dapatkan kajian ini pula diharap



dapat merungkai satu kaedah nyanyian yang boleh digunakan bagi menambahbaikan serta meningkatkan ilmu pengetahuan terhadap pembelajaran vokal genre lagu tradisional Melayu keseluruhaannya.

Kemahiran atau kemampuan seseorang dalam menguasai teknik vokal tidak hanya tertakluk pada istilah sama ada seseorang penyanyi itu lahir dari aliran muzik klasikal atau bukan klasikal. Apapun perbezaan di antara setiap penyanyi, tujuannya tetap sama, iaitu kesemua penyanyi inginkan tahap fleksibeliti dalam nyanyian. Cara nyanyian lagu-lagu Melayu Asli yang terserah dengan ciri-ciri tersendirinya mempunyai laras-laras serta tuntutan yang perlu diketahui. Untuk meningkatkan kemahiran terhadap teknik vokal dalam stail nyanyian lagu tersebut, ilmu berkaitan lagu Melayu Asli perlu didalami.





Penyanyi aliran klasikal tidak mempunyai masalah mempelajari teknik vokal kerana terdapat ramai tenaga pengajar dalam aliran ini lantaran dari gaya nyanyian klasikal telah mula dipelajari ratusan tahun dahulu. Walau bagaimanapun lebih ramai penyanyi profesional adalah bukan dari gaya klasikal. Kebanyakkan daripada penyanyi menyanyi untuk tujuan kerjaya serta komersial. Maka kemahiran tenaga pengajar yang mempunyai kaedah penyampaian stail lagu berbeza genre yang dapat mengaitkan pedagogi vokal seperti dalam amalan nyanyian klasikal adalah perlu.

Lebih ramai guru-guru vokal adalah dominan terhadap stail muzik klasikal.

Guru-guru aliran klasikal tidak semestinya dapat membawa lagu-lagu bercorak lain untuk memenuhi tuntutan mengajar gaya-gaya lagu yang berlainan genre. Penggunaan mikrofon, suasana nyanyian di dalam studio dan penggunaan sistem bunyi memberi

kesan terhadap pengeluaran suara juga perlu diberi perhatian dalam memberi tunjuk ajar yang relevan kepada penyanyi bukan klasikal. Justeru itu, teknik vokal klasikal yang dipelajari secara akademik tidak semestinya dapat disesuaikan dengan nyanyian gaya komersial dan setiap pelajaran vokal ini perlu dipadankan dengan stail lagu yang berbeza-beza.

Kaedah nyanyian komersial lebih banyak disampaikan secara tradisi oral, peniruan (*imitation*), melalui percubaan dan kesilapan; ini adalah kerana tidak ada struktur atau organisasi untuk guru-guru bukan gaya klasikal. Biasanya guru-guru aliran bukan klasikal tidak terlatih mengikuti pelajaran secara formal. Nyanyian cara bukan klasikal tidak pernah diperhalusi atau dikembangkan berbanding dengan nyanyian gaya klasikal. Hanya segelintir universiti menawarkan program menjurus kepada pelajaran vokal bagi lagu-lagu bercorak komersial dan program ini juga boleh





dianggap sebagai sesuatu yang baru. Fenomena ini membuatkan kebanyakan penyanyi sukar untuk mendapatkan latihan vokal formal bagi gaya selain klasikal dan terpaksa mempelajari corak nyanyian mereka melalui pengalaman sendiri. Kesan daripada itu, banyak masalah timbul terhadap kesihatan vokal. Ramai penyanyi tidak menekankan terhadap teknik pengeluaran suara yang sihat dan tidak tahu cara-cara untuk mengatasi sebarang masalah vokal yang timbul (Combs & Bowker, 1995).

Murry dan Hutchison (2008) menjelaskan bahawa bakat semulajadi dalam bidang nyanyian merupakan satu anugerah, walau bagaimanapun ianya tidak sentiasa kekal. Bagi penyanyi yang sering membuat persembahan yang intensif adalah lebih terdedah memiliki masalah vokal. Berikut ialah beberapa masalah berkaitan penyalahgunaan vokal yang kerap berlaku terhadap penyanyi yang mengamalkan



- Kesan terhadap nyanyian yang intensif ialah bahagian tekak akan mengalami kesakitan. Kemungkinan suara penyanyi akan serak atau kehilangan suara.
- Penyanyi tidak dapat mencapai not-not yang tinggi seperti biasa tanpa menyanyi dengan kuat. Ini akan menyebabkan penyanyi merasa sukar mengawal suara dan memerlukan lebih tenaga dalam nyanyian.
- Walaupun setelah berehat buat beberapa hari suara tetap berbunyi angin `breathy'. Ton suara yang terhasil tidak menyeluruh (*solid*) dan termengah-mengah.
- Lama-kelamaan penyanyi tidak akan dapat mencapai jarak suara (*range*) yang tertentu. Renj suara juga menjadi sempit dan sukar untuk mendapatkannya semula.





Dengan menyedari masalah ini, telah wujud banyak buku-buku berkaitan bagaimana mempelajari teknik vokal dalam stail lagu selain klasikal seperti jazz, pop, blues, country dan sebagainya. Salah satu buku adalah daripada Ronald Combs dan Robert Bowker (1995) yang bertajuk '*Learning to Sing Nonclassical Music*'. Buku ini telah dihasilkan bagi membantu semua penyanyi tanpa mengira latar belakang dan kecenderungan terhadap pelbagai genre lagu. Buku ini dihasilkan bagi membantu para pelajar, penyanyi mahupun guru memperolehi apa yang diperlukan untuk membuat persembahan ataupun menyampaikan pengajaran terhadap muzik komersial.

Walaupun terdapat berbagai buku yang mendedahkan berkaitan gaya nyanyian pelbagai genre tetapi tiada sebarang maklumat berkaitan pembelajaran teknik vokal dalam stail nyanyian lagu Melayu Asli yang pernah dibuat. Di atas kesedaran bahawa

terbatasnya bahan bacaan berkaitan pembelajaran vokal ini, penulis berminat untuk mengkaji bagaimana kaedah atau teknik vokal yang digunakan dalam stail nyanyian lagu Melayu Asli agar ianya dapat dimanfaatkan oleh setiap lapisan masyarakat yang berminat mendalami bentuk nyanyian ini.

Dalam mempelajari teknik vokal terhadap lagu Melayu Asli, stail lagu tersebut perlu diambil kira kerana sifat-sifat lagu Melayu Asli seperti muzik pengenalannya (*intro*), rentak, patahan lagu, dan pantun yang dijadikan senikata lagu mempunyai sifatnya yang tersendiri. Bagi memenuhi tuntutan ini, aplikasi teknik vokal dalam nyanyian lagu tradisional Melayu Asli pastinya penting untuk difahami kerana ia bersangkut paut dengan cara penyampaian genre lagu tersebut.





Pengkaji berharap pendedahan berkaitan penggunaan teknik vokal dalam nyanyian lagu tradisional Melayu Asli ini dapat menjadi rujukan berguna serta memupuk keyakinan generasi kini dalam meningkatkan ilmu pengetahuan berkaitan teknik vokal. Penulisan ini juga diharap dapat membantu menaikkan taraf pembelajaran nyanyian lagu-lagu genre tradisional Melayu setanding dengan taraf pembelajaran lagu-lagu yang berlainan genre. Kajian ini juga dapat membantu mengembangkan pengetahuan dan seterusnya memberi panduan khusus secara bertulis.

1.2 Pengenalan Terhadap Teknik Vokal



Proses nyanyian berlaku secara semulajadi yang biasanya dipersembahkan bukan sahaja bagi tujuan hiburan malah untuk aktiviti-aktiviti sosial, agama dan juga ritual (upacara). Setiap kebudayaan dari tiap-tiap bangsa di dunia ini memiliki budaya seni suara yang berbeza. Teknik vokal popular dipelajari kini adalah bersumber dari kebudayaan Barat Kontemporeri, khususnya Amerika. Walaupun kebudayaan vokal ini berakar dari muzik Eropah, tetapi sepanjang sejarah perkembangannya telah dipengaruhi oleh berbagai jenis vokal dari beragam kebudayaan, seperti Afrika, India, Arab, Cina, dan lain-lain (Pra Budidharma, 2001).

Teknik vokal adalah merujuk pada cara pengeluaran suara yang teratur melalui larat-laras tertentu bagi melahirkan suara yang jelas, indah, merdu, dan nyaring. Konsep kajian sains pedagogi vokal adalah sebahagian daripada membina teknik





penyampaian nyanyian secara teratur yang sejarahnya bermula pada zaman Yunani purba (*Ancient Greece*) dan berkembang sehingga kini. Antara kajian yang berkaitan teknik vokal adalah termasuk anatomi manusia dan fisiologi yang berkaitan dengan proses fizikal tubuh terhadap nyanyian (Miller, 1986).

Menurut New Dictionary of Music & Musicians (1980), di Negara Barat, teknik nyanyian telah mula dipelajari beratus tahun yang lalu. Sebelum abad 900 Masehi, muzik vokal tidak ditulis, ianya hanya diturunkan secara oral dari seseorang ke seseorang. Pada zaman Renaissance iaitu pada akhir abad ke-16 telah wujud ramai penyanyi-penyanyi opera terkenal yang pada ketika itu hanya menyanyi menggunakan kaedah yang ditetapkan sendiri iaitu melalui pendengaran. Pada zaman itu nyanyian bukan sekadar untuk kepuasan malah dianggap juga sebagai salah satu pengalaman seni yang wajib ditempuhi masyarakat mereka. Perkembangan pembelajaran vokal telah bermula dari opera pertama yang ditulis di Itali sekitar tahun 1600 oleh Jacopo Peri's bertajuk 'Lost Dafne'.

Walau bagaimanapun, hasil dari perkembangan stail lagu yang berbeza-beza telah menuntut pelbagai gaya penyampaian yang berlainan selain hanya gaya klasikal. Tidak kira apa latar belakang seseorang penyanyi, sama ada klasikal mahupun moden, pengetahuan teknik vokal dapat membantu meningkatkan kemahiran dalam menyampaikan lagu dalam satu atau pelbagai genre.

Bagi Negara kita di Malaysia ini, bidang muzik diceburi oleh para seniman muzik yang lahir dari berbagai latar belakang. Ada yang belajar secara otodidak (*self-taught*), ada yang berkesempatan menimba ilmu muzik melalui kursus-kursus muzik,





dan ada juga yang berkesempatan menempuh pendidikan muzik secara formal di institusi muzik peringkat akademik atau konservatori di dalam negeri maupun di luar Negara. Bagi penyanyi di Malaysia yang telah berkecimpung dalam industri muzik tanah air, mereka mempunyai corak nyanyian yang tersendiri bersama pemilihan genre lagu yang berbeza-beza. Teknik vokal hanya dipelajari oleh kalangan tertentu yang berminat memperdalam pengetahuan vokal mereka melalui bimbingan guru-guru vokal aliran klasikal dan kontemporari yang semakin meningkat ketika ini.

Teknik vokal bagi kajian ini lahir daripada fundamental saintifik. Kaedah nyanyian yang dilihat adalah terdiri dari satu corak hukum yang berasaskan psikologi yang standard. Antara yang berkaitan teknik vokal dalam kajian ialah termasuk anatomi manusia dan fisiologi yang berkaitan dengan proses tindak balas fizikal tubuh



Melalui kajian ini, pengkaji telah melihat cara penyampaian nyanyian mengikut stail lagu khususnya di sini ialah bagi lagu tradisional Melayu Asli. Antara perkara-perkara yang telah diperhatikan termasuklah bagaimana penggunaan pernafasan, fonasi, resonasi dan artikulasi. Semua kriteria di atas memerlukan teknik kawalan tertentu mengikut penekanan teknik nyanyian seseorang. Teknik vokal yang dibincangkan akan menghubungkan terhadap semua proses pengeluaran suara yang akan dikaitkan di dalam Bab 2. Perbezaannya adalah terhadap kawalan, amalan, latihan dan genre lagu yang disampaikan oleh seseorang penyanyi.

Teknik vokal yang akan dilihat di sini akan bermula dari bagaimana seseorang penyanyi menggunakan pernafasan bergantung kepada keadaan bagaimana udara





dalam paru-paru dihembus keluar. Bagaimana penggunaan modifikasi di bahagian fonasi iaitu yang melibatkan bibir, lidah, dan langit-langit. Penyelidik juga melihat penggunaan resonator iaitu dengungan di sekitar rongga mulut, hidung dan kepala yang membantu terhadap penghasilan ton suara yang baik. Akhir sekali penyelidik mengkaji penggunaan artikulasi, bagaimana cara subjek kajian menyampaikan bait-bait yang terdapat dalam lirik lagu tradisional Melayu Asli.

Titze (1994) menjelaskan bahawa nyanyian tidak memerlukan kekuatan otot tetapi lebih kepada kemahiran tindak balas dan kordinasi yang tinggi dari otot-otot tubuh badan. Seseorang individu boleh meningkatkan mutu suara melalui latihan sistematis yang terdapat dalam latihan vokal. Latihan vokal mempunyai beberapa tujuan, antaranya ialah:



- ii. Meningkatkan rentang suara (*vocal range*)
- iii. Mengembangkan suara secara *horizontal* dan *vertical*
- iv. Mencapai teknik nyanyian seperti *legato*, *staccato*, kawalan dinamik, nyanyian '*trills*' serta menyanyikan jeda (*interval*) yang luas dengan selesa.

Menurut Combs dan Bowker (1995), keseluruhan proses analisis terhadap nyanyian memakan masa dan memenatkan bagi penyanyi yang tidak mendapat latihan vokal. Biasanya mereka akan mendengar dan kemudian meniru setiap gaya nyanyian. Tetapi bagi mereka yang telah melalui latihan vokal klasikal yang bertahun lamanya telah biasa mengenalpasti gaya atau stail persembahan yang bukan bercorak klasikal. Dengan itu iaanya lebih mudah bagi mereka kerana mereka hanya perlu





mengadaptasikan teknik nyanyian kepada pelbagai gaya persembahan yang berlainan dengan cara yang sihat.

Bagi penyampaian nyanyian tradisional Melayu khususnya bagi lagu Melayu Asli mempunyai tatasusila yang jauh berbeza dengan gaya lagu-lagu lain. Perkara ini perlu dilihat dengan lebih dekat bagi memberi perspektif yang lebih jelas terhadap cara penyampaian nyanyian lagu Melayu Asli agar dapat memberi peluang terutamanya bagi generasi kini yang berminat untuk mendalamai stail nyanyian tersebut. Jika di zaman dahulu, kebanyakan nyanyian lagu-lagu Melayu Asli hanya diturunkan secara lisan dari seseorang ke seseorang dan amalannya lebih kepada meniru cara lenggok-lenggok atau patahan lagu tanpa memahami teknik nyanyiannya secara ilmiah. Maka dengan adanya kajian ini, dapat memberi penjelasan yang

diperlukan tentang penggunaan pengeluaran suara yang sihat dalam gaya nyanyian lagu Melayu Asli supaya ia dapat diamalkan dengan cara yang lebih sistematik dan efisyen. Penulis berharap kajian ini nanti dapat menjadi satu bahan rujukan yang berguna kepada para pelajar, guru-guru, pensyarah, serta penggiat seni muzik tradisional Melayu dalam mengembangkan ilmu terhadap stail nyanyian lagu tradisional Melayu Asli.

1.3 Penyataan Masalah

Perkembangan pembelajaran vokal yang disediakan dalam program-program muzik di Institusi Pengajian Tinggi sama ada kerajaan mahupun swasta semakin berkembang. Walau bagaimanapun, pendedahan berkaitan kepentingan pembelajaran vokal secara





ilmiah dan sistematik masih kurang difahami oleh banyak pihak. Disebabkan kurang kefahaman ini maka ramai menganggap atau mengaitkan pembelajaran teknik vokal dengan lagu-lagu klasikal dari Barat. Sedangkan teknik vokal adalah suatu pembelajaran yang *standard* berkaitan pengeluaran suara secara betul semasa menyanyi dan bukannya berkaitan dengan gaya atau genre lagu.

Teknik vokal merangkumi pengetahuan tentang pedagogi vokal yang berkait dengan anatomi tubuh semasa penghasilan suara. Ianya menjelaskan tindak balas tubuh di bahagian vokal yang menyebabkan terhasilnya suara dan kawalan-kawalan bahagian tubuh tertentu yang diperlukan seseorang dalam meningkatkan mutu nyanyian. Manakala gaya atau genre lagu adalah menerangkan jenis-jenis lagu seperti lagu klasikal, tradisional, pop, blues, jazz, rock dan sebagainya. Dengan mempelajari

tentang teknik vokal, seseorang dapat menghubungkaitkan dengan cara nyanyian yang sihat terhadap apa-apa genre lagu yang diingini. Tetapi harus fahami bahawa dengan mengetahui teknik vokal tidak bermaksud seseorang menguasai semua jenis genre lagu.

Genre lagu yang berbeza-beza ini juga perlu didalami kerana ianya mempunyai gaya yang berlainan untuk dinyanyikan. Sebagai contoh bagi lagu jazz banyak memerlukan seseorang menggunakan teknik *slide*, lagu rock banyak penggunaan bahagian tekak (suara serak) yang agak ketara, gaya nyanyian klasikal tuntutannya lebih skematis manakala nyanyian tradisional Melayu lebih fleksibel dan banyak menggunakan lengkok-lengkok atau patahan lagu. Tanpa memahami gaya lagu-lagu yang berlainan genre, maka penguasaan teknik vokal yang baik masih tetap tidak dapat membantu memperindahkan sesebuah nyanyian.





Jelas di sini bahawa antara teknik vokal dan genre lagu adalah dua perkara yang berbeza iaitu teknik vokal diperlukan untuk membantu penyanyi mengamalkan cara pengeluaran suara yang teratur dalam meningkatkan mutu nyanyian manakala genre lagu seperti klasikal, tradisional, pop, blues, jazz, rock dan sebagainya pula bergantung kepada pemilihan, kecenderungan atau minat seseorang mengikut jenis-jenis suara (suara lunak, lembut, serak, garau, sengau, mersik, lantang, dan sebagainya), tekstur (tebal, sederhana, nipis), renj (tinggi, sederhana, rendah) serta kesesuaian suara yang dimiliki oleh setiap individu.

Selain daripada masalah pemahaman, masalah yang timbul adalah berkaitan dengan bahan-bahan rujukan yang agak terbatas berkisarkan tentang muzik tradisional lebih-lebih lagi dalam bidang vokal. Terdapat banyak buku diterbitkan berkaitan



pedagogi vokal dalam bahasa Inggeris, salah satunya melalui buku *The Structure of Singing: System and Art in Vocal Technique* oleh Richard Miller (1986) yang merangkumi penerangan berkaitan teknik vokal, sistem latihan-latihan yang digunakan, mekanisma tubuh serta masalah-masalah yang dihadapi para penyanyi. Walau bagaimanapun bilangan bahan rujukan untuk mengajar berkaitan vokal terhadap penyanyi bukan stail klasikal dan dokumentasi yang relevan atau berkaitan dengan teknik vokal dalam Bahasa Malaysia amatlah terhad lebih-lebih lagi terhadap genre lagu tradisional Melayu.

“Kebanyakannya buku-buku atau artikel yang mudah didapati adalah mengenai sejarah perkembangan muzik Melayu asli dan hanya menyentuh sedikit mengenai nyanyian lagu Melayu Asli. Rujukan bagi buku-buku khusus mengenai nyanyian adalah lebih kepada penulisan teknik-teknik nyanyian Barat, contohnya mengenai nyanyian klasik, lagu-lagu popular seperti jazz atau pop. Buku-buku serta artikel seperti ini banyak dan mudah diperolehi berbanding dengan nyanyian Melayu Asli” (Huzana Osman, 2003. m.s: 21).





Selain daripada itu, kekurangan tenaga pengajar dalam teknik vokal gaya tradisional Melayu juga merupakan salah satu masalah yang dihadapi kini. Kebanyakan kursus vokal di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia menawarkan pembelajaran vokal yang mengaplikasikan nyanyian terhadap repertoire Klasikal Barat. Lebih ramai guru-guru vokal cenderung terhadap stail muzik klasikal. Guru-guru aliran klasikal tidak semestinya dapat membawa lagu-lagu bercorak lain serta memenuhi tuntutan mengajar gaya-gaya lagu yang berlainan genre. Kekurangan tenaga pengajar dalam nyanyian tradisional Melayu menyebabkan kurang produk yang dihasilkan untuk mengajar teknik vokal dalam genre ini. Tambahan lagi bilangan bahan rujukan untuk mengajar berkaitan vokal terhadap penyanyi bukan stail klasikal adalah terhad. Melalui kajian ini, bahan dan informasi berkaitan teknik vokal dapat diperkaya sebagai rujukan dan diturunkan ke generasi akan datang secara



1.4 Objektif Kajian

Penyelidikan yang dibuat adalah berdasarkan pada objektif-objektif berikut:

- Meneroka penggunaan teknik vokal dalam nyanyian lagu Melayu Asli.
- Menghuraikan ciri-ciri bagi stail nyanyian lagu Melayu Asli.
- Meneroka bentuk-bentuk latihan vokal yang digunakan dalam nyanyian lagu Melayu Asli.





1.5 Persoalan Kajian

Kajian yang dijalankan menjurus dalam menjawab soalan-soalan berikut :

1. Bagaimakah penggunaan teknik vokal dalam nyanyian lagu Melayu Asli?
2. Bagaimakah cara penyampaian stail nyanyian lagu Melayu Asli?
3. Apakah bentuk latihan-latihan vokal yang digunakan dalam nyanyian lagu Melayu Asli?

1.6 Kepentingan Kajian

Lagu-lagu tradisional Melayu merupakan khazanah warisan bangsa yang tidak ternilai

harganya. Ia menjadi warisan sejak turun-temurun kerana terkandung pelbagai pemikiran unggul bangsa Melayu yang menjadi teras pembentukan identiti Melayu. Pendedahan ilmu yang berkaitan dengannya perlu diperkembangan bagi dikongsi masyarakat sejagat. Jika dilihat di negara-negara maju, pembelajaran vokal telah menjadi satu perkara yang tidak asing bagi mereka.

“Kepentingan untuk mempelajari seni suara di Malaysia adalah amat rendah jika dibanding dengan negara-negara lain. Buku-buku mahupun bahan rujukan berkaitan seni suara terutama dalam Bahasa Malaysia juga amatlah terhad dan sukar untuk diperolehi” (Siti Chairani Proehoeman, komunikasi personal, 19 November, 2009).

Dokumentasi secara ilmiah berkaitan bahan-bahan muzik tradisional Melayu amat berguna supaya ilmu-ilmu berkaitan seni muzik yang dimiliki oleh segolongan generasi terdahulu dapat dipelihara dan dimartabatkan. Dengan adanya pendedahan terhadap teknik vokal dalam nyanyian tradisional Melayu ini dapat membantu





menjadikan ia sebagai rujukan kepada pelajar, guru-guru, pensyarah, pengkaji, penggiat seni serta masyarakat dalam mempelajari ilmu nyanyian lagu tradisional Melayu. Perkara ini juga secara tidak langsung dapat meningkatkan bilangan tanaga pengajar teknik vokal genre tradisional Melayu setaraf dengan genre muzik klasikal, moden, jazz, blues dan sebagainya.

Selain dari itu, maklumat kajian juga dapat membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia menilai status kursus vokal dalam program muzik sebagai salah satu pendidikan ke arah melahirkan pelajar-pelajar yang berkemahiran tinggi, kreatif dan kritis serta bermotivasi tinggi. Kajian ini dapat membantu pihak berwajib merangka tindakan yang sewajarnya bagi meningkatkan penambahbaikan, atau mengemaskini pelajaran vokal dalam program muzik di mana-mana institusi pengajian tinggi dengan menambahkan tawaran pelajaran vokal dalam genre tradisional Melayu pada masa-masa akan datang.

1.7 Fokus Kajian

Fokus kajian ini adalah terdiri daripada seorang pensyarah vokal tradisional Melayu dan dua orang pelajar vokal di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) yang terletak di Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur. Pelajar-pelajar terlibat adalah yang sedang menjalani program Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Muzik dalam bidang seni vokal yang menjurus kepada muzik tradisional Melayu. Selain daripada itu, subjek juga terdiri daripada dua orang penggiat seni tanah air yang mengamalkan nyanyian lagu-lagu tradisional Melayu khususnya bagi aliran Melayu Asli.





Pemilihan subjek ini adalah secara bertujuan iaitu berdasarkan potensi yang dimiliki setiap partisipen dalam apa yang boleh mereka sumbangkan terhadap perkembangan pemahaman berkaitan fenomena yang dikaji.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini terdiri daripada pensampelan bertujuan iaitu melibatkan subjek yang dipilih mengikut kriteria yang tertentu bersesuaian dengan tujuan kajian. Batasan kajian ini asalnya terdiri daripada lima orang subjek iaitu seorang orang pensyarah vokal dan penggiat muzik tradisional Melayu iaitu Rahim Jantan (Allahyarham), dua orang penggiat seni tradisional Melayu iaitu Andre Goh dan Aspalela Abdullah dan dua

orang pelajar vokal di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) iaitu Mohd Helmy Ahmad Tajudin dan Sabihah binti Abdul Wahid. Walau bagaimanapun subjek kajian telah ditambah kepada seorang lagi iaitu penyanyi, pemain gambus dan pensyarah vokal tradisional iaitu Nurihan bin Saif bagi mencapai ketepuan terhadap pengumpulan data. Kesemua subjek telah dipilih berdasarkan potensi yang dimiliki oleh setiap daripada mereka bagi menyumbangkan pemahaman terhadap perkembangan berkaitan fenomena yang dikaji.

Justifikasi pemilihan subjek dilakukan setelah kesemua subjek dikenal pasti mempunyai pengaruh yang tinggi dalam memberi sumbangan terhadap pencarian data. Rahim Jantan, Andrea Goh dan Aspalella Abdullah sememangnya telah terkenal dengan sumbangan mereka terhadap perkembangan lagu-lagu Melayu Asli. Nurihan Saif selaku pemain muzik, pensyarah muzik tradisional dan penyanyi juga mempunyai





sumbangan yang hebat dalam muzik Melayu Asli. Mohd Helmy Tajuddin dan Sabihah selaku pelajar yang menjurus dalam muzik Melayu Asli pula dilihat sebagai peneraju generasi muda dalam meneruskan tradisi meningkatkan nyanyian lagu Melayu Asli. Butiran diri yang terpeinci dan sumbangan bagi setiap subjek dalam seni nyanyian lagu Melayu asli boleh dirujuk di bahagian Lampiran A.

Kajian ini juga terhad pada masa dan tempoh penyelidikan iaitu keseluruhan proses mencari data telah dijalankan selama lima bulan bermula pada bulan April sehingga Ogos 2010. Pendekatan Interaktif Inkuiri telah digunakan dalam mengumpul data bagi kajian ini. Kaedah ini digunakan dalam mencari maksud dan mewujudkan penjelasan interaktif terhadap dapatan. Kaedah ini melibatkan beberapa siri tindakan berulang-ulang daripada pengkaji dalam proses mengumpul data sehingga terjawab



1.9 Kesimpulan

Perkembangan ilmu yang pesat di era moden memerlukan kemahiran yang tinggi dalam setiap bidang yang diceburi. Suara sebagai alat muzik semulajadi manusia menyebabkan ianya dipandang ringan untuk dipelajari. Namun kesedaran dalam kalangan masyarakat Malaysia kini kian meningkat terhadap mempelajari ilmu yang tidak hanya terbatas pada sesuatu yang boleh dilihat. Walaupun suara hanya lahir melalui bunyi yang hanya boleh didengar melalui proses-prosesnya yang tertentu, namun ia tetap perlu dijaga dan dirawat seperti mana alat muzik yang lain.





Teknik vokal adalah sesuatu pelajaran yang *standard* yang bukan sahaja terhad kepada nyanyian sahaja malah ianya banyak dipelajari bagi tujuan lain seperti pementasan teater, penyampaian maklumat atau pengucapan umum. Bagi meningkatkan kemahiran dalam bidang atau kerjaya yang diceburi, teknik vokal telah menjadi pilihan kebanyakan generasi kini untuk mempelajarinya. Teknik vokal yang disampaikan dewasa ini lebih cenderung mengamalkan repertoire lagu-lagu klasikal Barat ataupun moden seperti pop, jazz dan sebagainya. Pembelajaran bagi lagu-lagu nyanyian tradisional Melayu belum mendapat pendedahan yang sewajarnya sepetimana pembelajaran nyanyian bagi genre lagu yang lain. Penulis berharap pendedahan berkaitan teknik vokal ini dapat menjadi rujukan atau inspirasi bagi semua golongan yang berminat mendalami dan meningkatkan kualiti nyanyian dalam genre lagu tradisional Melayu.

